



***Kempen Bling It On
Alliance Bank***

Terma dan Syarat

1. “Kempen Bling It On Alliance Bank” (“**Kempen**”) yang dianjurkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad dan Alliance Islamic Bank Berhad (“**Bank**”) dan bermula dari **8 Julai 2025 hingga 30 September 2025**; termasuk kedua-dua tarikh tersebut, kecuali dinyatakan sebaliknya (“**Tempoh Kempen**”).
2. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak (sepagaimana yang ditakrifkan di bawah) diingatkan supaya membaca dengan teliti dan memahami sepenuhnya segala Kempen Terma dan Syarat yang terkandung di sini dan bersetuju sepenuhnya untuk menerima dan untuk terikat dengan segala Terma dan Syarat ini.
3. Pelanggan baharu dan sedia ada yang memenuhi syarat yang ditetapkan di sini akan dirujuk secara kolektif sebagai “**Pelanggan Yang Layak**”. Walaupun memenuhi yang tersebut di atas, individu berikut **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:
 - a) Pelanggan yang akaunnya dengan Bank adalah dormant atau tidak aktif atau yang telah melanggar sebarang perjanjian dengan Bank; atau
 - b) Pelanggan yang akaunnya dengan Bank adalah, menurut dasar dalaman Bank, tidak dikendalikan dengan memuaskan; atau
 - c) Mana-mana individu lain yang diputuskan oleh Bank untuk dikecualikan menurut dasar dalaman Bank; atau
 - d) Pekerja tetap dan/atau kontrak Alliance Bank (termasuk subsidiarinya dan syarikat yang berkaitan) tidak layak untuk mengambil bahagian; atau
 - e) Pelanggan pembayaran gaji di bawah Alliance@Work.
4. Bagi melayakkan diri untuk memperoleh Ganjaran sebagaimana dalam **Jadual A dan/atau Jadual B** di bawah (“**Ganjaran**”), Pelanggan Yang Layak perlu membuka **Akaun Alliance SavePlus/-i (“Akaun Yang Layak”)** melalui e-KYC sebagai produk yang pertama semasa Tempoh Kempen dan memenuhi kriteria yang terkandung dalam jadual tersebut.

Jadual A:

Ganjaran Pembukaan Akaun Alliance SavePlus/-i sehingga RM130

No.	Kriteria Kelayakan	Ganjaran
1	Membuka Akaun Yang Layak melalui e-KYC dengan menggunakan kod jemputan “bling”, mengaktifkan akses aplikasi mudah alih allianceonline (“AOM”) pada atau sebelum 15 Oktober 2025 dan mengekalkan jumlah minimum RM500 pada penghujung bulan pembukaan akaun; ATAU	RM30
2	Membuka Akaun Yang Layak melalui e-KYC dengan menggunakan kod jemputan “bling”, mengaktifkan AOM pada atau sebelum 15 Oktober 2025 dan mengekalkan jumlah minimum RM3,000 pada penghujung bulan pembukaan akaun; ATAU	RM60
3	Membuka Akaun Yang Layak melalui e-KYC dengan menggunakan kod jemputan “bling”, mengaktifkan AOM pada atau sebelum 15 Oktober 2025 dan mengekalkan jumlah minimum RM10,000 pada penghujung bulan pembukaan akaun.	RM130
Ganjaran Maksimum bagi setiap Pelanggan yang Layak		RM130

Jadual B: Ganjaran Daftar dan Menang

Kategori Hadiah (“Ganjaran B”)	Hadiah Kempen	Kriteria Kelayakan
Hadiah Utama (1 pemenang)	Baucar Tomei bernilai RM60,000	<ul style="list-style-type: none"> Berjaya memohon lebih daripada satu (1) Produk Yang Layak seperti dalam Jadual C – 10 penyertaan bagi setiap Produk tambahan yang Layak
Hadiah Kedua (1 pemenang)	Baucar Tomei bernilai RM40,000	

<p>Hadiah Ketiga (1 pemenang)</p>	<p>Baucar Tomei bernilai RM30,000</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Setiap penambahan RM5,000 MAB – 10 penyertaan (bagi semua Bulan Penyertaan) • Setiap 10 transaksi runcit DuitNow QR sebulan yang dipautkan kepada Akaun Yang Layak dengan minimum RM50 setiap transaksi – 5 penyertaan (bagi semua Bulan Penyertaan) • Setiap 10 transaksi runcit sebulan melalui Kad Debit Alliance Bank Mastercard baharu (“Kad Debit”) yang dipautkan kepada Akaun Yang Layak dengan minimum RM50 setiap transaksi – 5 penyertaan (bagi semua Bulan Penyertaan)
<p>Hadiah Sagu Hati (10 Pemenang)</p>	<p>Pulangan Tunai RM2,000 (1 pemenang)</p> <p>Pulangan Tunai RM1,000 (1 pemenang)</p> <p>Pulangan Tunai RM500 (8 pemenang)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat permohonan bagi Produk Yang Layak seperti dalam Jadual C – 10 penyertaan bagi setiap Produk Yang Layak • Memohon & mengaktifkan Kad Debit baharu – 10 penyertaan • Membuat pembayaran melalui Kad Debit baharu atau DuitNow QR yang dipautkan kepada Akaun Yang Layak dengan jumlah minimum RM50 – 2 penyertaan bagi setiap transaksi • Memohon Produk Yang Layak seperti di Jadual C dan berumur lebih daripada 55 tahun pada masa permohonan – 5 penyertaan bagi setiap Produk Yang Layak • Setiap penambahan RM1,000 MAB – 5 penyertaan (bagi semua Bulan Penyertaan) • Rujukan rakan yang berjaya membuka Akaun SavePlus/-i - 2 penyertaan bagi setiap rujukan, tanpa had rujukan

Nota: MAB merujuk kepada Purata Baki Simpanan Bulanan (“**MAB**”).

Jadual C: Produk Yang Layak untuk Ganjaran Daftar dan Menang

Produk yang Layak	Kriteria Kelayakan
<p>Akaun Alliance SavePlus/-i (“Akaun Yang Layak”)</p>	<p>Membuka Akaun Yang Layak melalui e-KYC semasa Tempoh Kempen, berjaya mengaktifkan AOM pada atau sebelum 15 Oktober 2025 dan mengekalkan jumlah minimum RM500 pada penghujung bulan pembukaan akaun.</p>
<p>Kad Kredit Alliance Bank Visa Infinite/ Visa Platinum/ Visa Signature/Visa Virtual (“Kad Kredit”)</p>	<p>Memohon Kad Kredit utama yang baharu semasa Tempoh Kempen di mana Kad Kredit diaktifkan pada atau sebelum 15 Oktober 2025.</p>
<p>Pinjaman/Pembiayaan Peribadi</p>	<p>Membuat permohonan bagi Pinjaman/Pembiayaan Peribadi semasa Tempoh Kempen di mana pelepasan Pinjaman/ Pembiayaan Peribadi dibuat pada atau sebelum 15 Oktober 2025</p>

5. Sekiranya Pelanggan Yang Layak hanya memohon untuk mendapatkan Kad Kredit/Pinjaman/ Pembiayaan Peribadi, Pelanggan Yang Layak tidak akan memperoleh penyertaan bagi Ganjaran Daftar dan Menang. Pelanggan Yang Layak perlu membuat permohonan bagi Akaun Yang Layak sebagai produk pertama menurut **klausa 4**.
6. Bagi pelanggan sedia ada kepada Bank yang telah mempunyai Akaun Semasa/Simpanan/-i yang sah dengan Bank (“Pelanggan Sedia Ada”), akan layak untuk memperoleh penyertaan dalam Daftar dan

Menang Ganjaran dengan mendaftar untuk Kad Kredit/Pinjaman/Pembiayaan seperti Jadual C melalui e-KYC dengan **kod jemputan “relax”**, dengan syarat Pelanggan Sedia Ada mempunyai Kad Debit aktif dengan Bank dan tidak mempunyai Kad Kredit/Pinjaman/Pembiayaan sedia ada dengan Bank.

7. Bilangan penyertaan yang diperolehi adalah berdasarkan Bulan Penyertaan sebagaimana dalam Jadual D di bawah.

Jadual D: Bulan Penyertaan

Tarikh	Bulan Penyertaan
8 Julai 2025– 31 Julai 2025	Julai 2025
1 Ogos 2025– 31 Ogos 2025	Ogos 2025
1 September 2025– 30 September 2025	September 2025

8. Amaun tambahan MAB bersih sepanjang Tempoh Kempen hendaklah diukur dengan baki purata bulanan Akaun Layak Pelanggan Layak yang dipegang di bawah nama Pelanggan Yang Layak sebagai pemegang akaun utama seperti pada bulan sebelumnya (“Garis Asas”) seperti yang dinyatakan dalam Jadual G. Untuk mengelakkan keraguan, MAB tambahan bersih Akaun Yang Layak akan dikira berdasarkan formula seperti yang diterangkan dalam Jadual E di bawah.

Jadual E: Pengiraan MAB Bertambah Bersih (“IMAB”)

Garis dasar	<u>Jumlah baki akhir setiap hari pada bulan sebelumnya</u> Bilangan hari dalam bulan sebelumnya
Baki Purata Bulan Penyertaan	<u>Jumlah baki akhir setiap hari untuk Bulan penyertaan</u> Bilangan hari dalam bulan penyertaan
Amaun tambahan MAB	Baki Purata Bulan Penyertaan – Garis Dasar

Pengiraan dan ilustrasi untuk IAB digambarkan dalam Jadual F di bawah:

Jadual F: Ilustrasi bagi IMAB dan penyertaan untuk Ganjaran Daftar dan Menang

Akaun Layak	Jun	Julai	Ogos	September
Garis dasar	0	0	20,000	10,000
Bulan Penyertaan MAB (RM)	-	20,000	10,000	40,000
IMAB (RM)	-	20,000	-10,000	30,000
Jumlah Penyertaan	-	20	0	30

Nota: Sekiranya MAB Pelanggan Yang Layak pada bulan penyertaan adalah kurang daripada bulan sebelumnya seperti di Jadual G, maka pelanggan tidak akan layak menerima penyertaan.

Contoh:

Pelanggan A sedang mengambil bahagian dalam ganjaran Meidan penambahan MAB Ogosnya ialah RM10,000 iaitu lebih rendah daripada MAB Julai pada RM20,000. Pelanggan A tidak akan layak untuk sebarang penyertaan kerana bulan penyertaan MAB adalah lebih rendah daripada bulan sebelumnya.

Jadual G: Bulan Sebelumnya (“Garis Asas”)

Tarikh	Bulan Penyertaan	Garis Asas (Bulan Sebelumnya)
8 Julai 2025– 31 Julai 2025	Julai 2025	Jun 2025

1 Ogos 2025– 31 Ogos 2025	Ogos 2025	Julai 2025
1 September 2025– 30 September 2025	September 2025	Ogos 2025

9. Setiap Pelanggan Yang Layak layak untuk berpeluang memenangi satu (1) unit **Ganjaran Daftar dan Menang** seperti yang disenaraikan dalam **Jadual B** sepanjang Tempoh Kempen.

Terma dan Syarat Promosi Akaun Alliance SavePlus/-i

10. Ganjaran ini terbuka kepada pelanggan berikut (“Pelanggan Yang Layak”):
- Pelanggan Bank yang baharu atau sedia ada berumur 18 tahun ke atas dan pegang MyKad terkini Malaysia (dengan gambar anda yang besar dan kecil); dan
 - Tidak mempunyai Akaun Semasa/Simpanan/-i (“CASA/-i”) termasuklah Akaun SaveLink/ FlexLink, Dagangan Saham dan Pembiayaan Margin Saham dengan Bank **dalam tempoh 12 bulan yang lalu sebelum tarikh permulaan Tempoh Kempen**; dan
 - Membuka Akaun Yang Layak semasa Tempoh Kempen dan berjaya mengaktifkan AOM pada atau sebelum **15 Oktober 2025**.
11. Untuk melayakkan diri bagi Ganjaran yang berkenaan sebagaimana dalam **Jadual A dan/atau Jadual B** di atas, Pelanggan Yang Layak perlu melaksanakan pembukaan Akaun Yang Layak melalui aplikasi mudah alih allianceonline, proses Kenali Pelanggan Anda secara elektronik (“e-KYC”) **dengan menggunakan kod jemputan “relax”**. Nombor Kad Pengenalan dan nombor telefon bimbit Pelanggan Yang Layak perlu direkodkan dalam sistem Bank menerusi proses One Time Password (“OTP”). Sekiranya pembukaan akaun termasuklah peletakan deposit permulaan minimum untuk mengaktifkan akaun tersebut tidak disempurnakan dalam Tempoh Kempen, Bank berhak membatalkan Ganjaran tersebut.
12. Semua Pelanggan Yang Layak yang telah berjaya membuka Akaun Yang Layak dan mengekalkan baki minimum mengikut kriteria layak Kempen yang dinyatakan dalam klausa 4 akan layak untuk menerima Ganjaran.
13. Setiap Pelanggan Yang Layak hanya boleh mendapatkan satu (1) kali Ganjaran untuk pembukaan akaun sahaja. Jika Pelanggan Yang Layak mempunyai beberapa Akaun Yang Layak yang membolehkan pelanggan tersebut mendapat Ganjaran, hanya SATU (1) akaun sahaja akan diberikan Ganjaran.
14. Bagi Pelanggan Yang Layak yang memegang akaun secara bersama dengan pihak lain, semua akaun tersebut akan dianggap sebagai satu akaun tunggal sahaja mengikut nama pemegang akaun utama. Bagi pemegang akaun bersama, Ganjaran akan diberikan kepada pemegang akaun utama sahaja. Pelanggan Yang Layak mestilah merupakan pemegang akaun utama produk yang didaftarkan dan namanya mesti didaftarkan sebagai pemegang akaun utama bagi Akaun Yang Layak untuk mendapatkan Ganjaran tersebut.
15. Akaun dan Kad Debit Yang Layak yang dipegang oleh Pelanggan Yang Layak mestilah sah dan aktif sebagaimana ketetapan Bank menurut dasar dalaman Bank, supaya layak untuk mengambil bahagian semasa dan selepas Tempoh Kempen untuk memperoleh Ganjaran. Sekiranya dalam Tempoh Kempen dan Tempoh Penunai, Pelanggan Yang Layak menutup Akaun Yang Layak atas apa juga sebab, penyertaannya dalam Kempen ini akan terbatal dan menjadi tidak sah dengan serta-merta.
16. Penyertaan bagi Pengaktifan dan/atau transaksi Kad Debit adalah terbuka kepada pelanggan berikut (“Pelanggan Yang Layak”):
- Memegang Kad Debit Alliance Bank yang dipautkan kepada Akaun Yang Layak yang baru dibuka di bawah Kempen ini. Kad Debit dan Akaun Yang Layak mestilah sah dan aktif, sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank menurut dasar dalaman Bank; dan
 - Mengaktifkan Kad Debit dalam Tempoh Kempen. Setiap Pelanggan Yang Layak hanya layak mendapat satu (1) kali penyertaan sahaja untuk pengaktifan Kad Debit. Sekiranya atas apa

juga sebab Pelanggan Yang Layak mengaktifkan beberapa Kad Debit dalam Tempoh Kempen, hanya Kad Debit pertama yang diaktifkan dalam Tempoh Kempen sahaja yang layak untuk penyertaan; atau

c. Menggunakan Kad Debit baharu menurut kriteria Kempen dalam **Jadual B**.

17. Penyertaan bagi pembayaran melalui DuitNow QR adalah terbuka kepada pelanggan berikut ("Pelanggan Yang Layak"):

- a. Mempunyai Akaun Yang Layak yang dibuka di bawah Kempen ini dengan akses AOM; dan
- b. Sentuh pada ikon DuitNow QR pada skrin pertama AOM untuk membuat pembayaran kepada kedai atau penjual. Setiap pembayaran DuitNow QR yang berjaya dibuat yang direkodkan oleh Bank akan dikenal pasti sebagai transaksi DuitNow QR.

18. Transaksi Kad Debit yang Layak adalah **TIDAK TERMASUK** yang berikut:

- i. Amaun transaksi yang kemudiannya dibatalkan, menjadi tidak sah atau dibalikkan pada bila-bila masa;
- ii. Transaksi Kuasi Tunai (Contoh: Transaksi Pertaruhan, Perjudian) di bawah MCC 7995;
- iii. MOTO (Transaksi tanpa Kad) di Amerika Syarikat;
- iv. Bayaran yang dibuat kepada organisasi kebajikan/perkhidmatan sosial di bawah MCC 8398;
- v. Sebarang pembayaran berkaitan kerajaan di bawah ketetapan MCC seperti berikut:

Kod MCC	Huraian
9211	Kos mahkamah termasuk Alimoni dan Anak
9222	Denda
9223	Pembayaran Jaminan dan Bon
9311	Pembayaran cukai
9399	Perkhidmatan Kerajaan
9402	Perkhidmatan pos – Kerajaan sahaja
9405	Pembelian Intra-Kerajaan – Kerajaan sahaja

vi. Transaksi lain yang dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

19. Peletakan kategori Saudagar dan MCC bagi setiap saudagar dilaksanakan oleh bank pemeroleh saudagar yang berkenaan, dan adalah menjadi tanggungjawab bank tersebut untuk memperuntukkan kategori Saudagar dan MCC yang tepat. Jika Ganjaran tidak dikreditkan kepada Akaun Penyertaan Pelanggan Yang Layak disebabkan oleh peruntukan kategori Saudagar dan MCC yang salah oleh bank pemeroleh, sila ambil perhatian bahawa Bank tidak bertanggungjawab atas percanggahan tersebut yang merupakan di luar kawalan Bank.

20. Semua Transaksi Kad Debit dan/atau DuitNow QR yang Layak mesti disertakan dengan tarikh transaksi (ditakrifkan sebagai tarikh di mana transaksi dicalah kepada Akaun Yang Layak yang dipautkan menurut rekod Bank) dalam Tempoh Kempen. Transaksi yang diluluskan yang dibuat sepanjang Tempoh Kempen mesti direkodkan dan dihantar kepada sistem Bank dalam Tempoh Kempen untuk melayakkannya mendapat Ganjaran ("**Transaksi Yang Diluluskan**"). Segala Transaksi Yang Diluluskan sebagaimana yang direkodkan oleh Bank adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan mengikat semua Pelanggan Yang Layak. Sila ambil perhatian bahawa terdapat kemungkinan transaksi dihantar oleh saudagar sehingga 30 hari selepas tarikh transaksi. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas kelewatan hantaran tersebut.

Contohnya: Sekiranya transaksi dibuat pada 30 Julai 2025 tetapi tarikh hantaran amaun transaksi adalah pada 1 Ogos 2025, transaksi tersebut akan diagregatkan untuk bulan Julai 2025 dan bukannya Ogos 2025.

Terma dan Syarat Promosi Kad Kredit

21. Promosi ini terbuka kepada semua pemohon kad yang baharu (pelanggan bank sedia ada dan baharu yang tidak mempunyai kad kredit yang dikeluarkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad ("Bank") yang memohon untuk mendapatkan Kad Kredit utama Alliance Bank Visa Infinite, Visa Signature, Visa Platinum atau Visa Virtual dalam Tempoh Kempen ("Pelanggan Yang Layak").
22. Walaupun memenuhi yang tersebut di atas, individu berikut, bagaimanapun, **TIDAK** layak untuk menyertai Promosi ini:
- Pekerja tetap dan/atau pekerja kontrak Bank (termasuk subsidiari dan syarikat yang berkaitan) termasuklah ahli keluarga terdekat mereka, iaitu ibu bapa, pasangan, anak dan adik-beradik; atau
 - Pelanggan yang akaunnya dengan Bank adalah berstatus dorman atau tidak aktif atau yang telah melanggar sebarang perjanjian dengan Bank; atau
 - Pelanggan yang akaunnya dengan Bank adalah delinkuen atau tidak dikendalikan dengan memuaskan; atau
 - Individu yang tak solven atau telah dihukum bankrap;
 - Individu yang tidak waras, bawah umur; atau
 - Pelanggan yang didapati mungkir dalam sebarang kemudahan yang diberi oleh Bank (termasuk subsidiari dan syarikat yang berkaitan) pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen; atau
 - Entiti bukan individu termasuk tetapi tidak terhad kepada syarikat pemilikan tunggal, perkongsian, organisasi/pertubuhan kebajikan/bukan untung, pelanggan korporat dan komersial, syarikat tersenarai awam dan sendirian berhad, kelab, persatuan dan koperasi; atau
 - Mana-mana individu lain yang dikecualikan oleh Bank menurut dasar dalamannya.
23. Dengan memohon untuk mendapatkan Kad Kredit utama yang baharu sahaja, Pelanggan Yang Layak tidak akan mendapat penyertaan untuk Promosi ini. Pelanggan Yang Layak perlu membuka Akaun Yang Layak sebagai produk pertama sebagaimana ketetapan fasal 4.
24. Untuk mendapatkan Lembaran Maklumat Produk bagi Kad Kredit, anda boleh merujuk kepada <https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Documents/Cards/Personal/Credit-Cards/Credit-Card-Product-Disclosure-Sheet-PDS-EN.pdf>

Terma dan Syarat bagi Promosi Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi

25. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan individu Bank sedia ada dan baharu yang memenuhi kriteria kelayakan berikut ("Pelanggan Yang Layak"):
- memohon Pinjaman/Pembiayaan Peribadi yang baharu, kedua-duanya dirujuk secara kolektif sebagai ("Kemudahan").
 - Kemudahan mesti diluluskan dalam Tempoh Kempen dan dibayar pada atau sebelum 15 Oktober 2025. Bagi Kemudahan yang tidak diluluskan dalam Tempoh Kempen dan tidak dibayar sebelum 15 Oktober 2025, permohonan tersebut tidak layak untuk memperoleh Ganjaran.
 - Mempunyai pendapatan bulanan kasar minimum sebanyak RM3,000.
26. Untuk mengurangkan risiko kelewatan pembayaran ansuran dan sebagai menghormati dan memberi kemudahan kepada Pelanggan Yang Layak, Pelanggan Yang Layak dinasihatkan untuk membuat pembayaran melalui kaedah berikut:
- Membuka Akaun Semasa/i atau Akaun Simpanan/i ("CASA-i") dengan Bank untuk membolehkan pelaksanaan Arahan Tetap (SI). Sebagai contoh, potongan automatik bulanan dari CASA-i Pelanggan Yang Layak. Pelanggan Yang Layak mesti memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi di dalam akaun tersebut sekurang-kurangnya tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh pembayaran ansuran perlu dibuat;
 - Sekiranya tarikh pembayaran ansuran jatuh pada hari **Jumaat, Sabtu, Ahad atau hari kelepasan am** dan sekiranya Pelanggan Yang Layak ingin membuat pembayaran pada **hari yang sama dengan hari pembayaran ansuran**, Pelanggan Yang Layak dinasihatkan untuk

- membuat pembayaran melalui Pemindahan Dana Antara Bank (“IBFT”) di MEPS **sebelum 5:00 petang** melalui ATM di mana-mana institusi kewangan atau melalui mana-mana platform perbankan dalam talian yang dipilih oleh Pelanggan Yang Layak.
- c. Sekiranya Pelanggan Yang Layak ingin membuat pembayaran melalui **GIRO Antara Bank (IBG)**, Pelanggan Yang Layak mesti melaksanakan transaksi tersebut **sekurang-kurangnya satu (1) hari bekerja sebelum** tarikh pembayaran ansuran yang telah ditetapkan. Sekiranya mana-mana IBG dikembalikan, Ganjaran akan ditamatkan dan Bank tidak akan melayan sebarang rayuan.
 - d. Sekiranya Pelanggan Yang Layak ingin membuat pembayaran pada tarikh pembayaran ansuran yang telah ditetapkan, Pelanggan Yang Layak mesti melaksanakan transaksi tersebut **sebelum 11.00 malam** pada hari tersebut.

Walaupun kaedah pembayaran telah dinyatakan di atas, kaedah pembayaran balik/pembayaran yang disenaraikan tersebut bukanlah menyeluruh dan dinyatakan hanya untuk kemudahan serta makluman Pelanggan Yang Layak sahaja. Pelanggan Yang Layak mestilah sentiasa bertanggungjawab untuk memastikan ansuran dibayar sepenuhnya pada masa yang sepatutnya menurut tarikh pembayaran yang telah ditetapkan, sebagaimana yang dinyatakan dalam Notis Pengeluaran Bayaran yang diterima daripada Bank. Caj semasa mungkin dikenakan dan perlu ditanggung oleh Pelanggan Yang Layak.

27. Pelanggan Yang Layak tidak akan mendapat penyertaan bagi Promosi ini hanya dengan membuat Pinjaman/Pembiayaan Peribadi sahaja. Pelanggan Yang Layak perlu mendapatkan Akaun Yang Layak sebagai produk pertama menurut ketetapan fasal 4.
28. Untuk mendapatkan Lembaran Maklumat Produk bagi Pinjaman Peribadi, anda boleh merujuk kepada <https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Documents/Financing/CashFirst-Personal-Loan-PDS.pdf> . Untuk mendapatkan Lembaran Maklumat Produk bagi Pembiayaan Peribadi, anda boleh merujuk kepada https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Documents/Financing/CashVantage-Financing-i-PDS_EN.pdf .

Terma dan Syarat Lain

29. Bank berhak mengubah tempoh dan/atau tarikh pelaksanaan dan/atau tarikh tamat bagi Tempoh Kempen dengan memberikan notis terlebih dahulu melalui laman web rasmi Bank.
30. Penunaian bagi **Jadual A** akan dikreditkan kepada Akaun yang Layak dalam masa lapan (8) minggu dari akhir bulan pembukaan akaun (“**Tempoh Penunaian**”), sebarang pertikaian berikutnya selepas tempoh tersebut tidak akan dilayan. Sekiranya Pelanggan Yang Layak mempunyai beberapa Akaun Yang Layak, ia akan dikreditkan kepada akaun yang mempunyai baki tertinggi sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.
31. Pemenang Kempen **Jadual B** akan dimaklumkan selewat-lewatnya pada 15 Januari 2026. Pemenuhan Hadiah Jadual B akan dikreditkan ke dalam Akaun Layak Pelanggan Yang Layak dalam tempoh lapan (8) minggu dari 15 Januari 2026, sebarang pertikaian berikutnya selepas tempoh tersebut tidak akan dilayan.
32. Proses pemilihan pemenang adalah seperti berikut:
 - a. Sebaik sahaja kriteria kelayakan dipenuhi, Pelanggan Yang Layak Hadiah Kempen akan disenarai pendek secara dalaman melalui cabutan ‘Pilihan Rawak’ yang dijana melalui komputer dengan meletakkan nombor secara rawak pada senarai Pelanggan Yang Layak.
 - b. Pelanggan Yang Layak yang disenarai pendek Hadiah Utama, Kedua dan Ketiga tersebut akan dihubungi oleh Bank pada bila-bila masa dalam waktu pejabat. Semua pemenang yang disenarai pendek akan dikehendaki mengesahkan identiti mereka dan kemudiannya menjawab satu soalan mudah berkaitan dengan Kempen ini untuk mendapatkan Ganjaran. Pelanggan Yang Layak yang telah disenarai pendek Hadiah Utama, Kedua dan Ketiga akan

dianggap sebagai pemenang sekiranya pelanggan tersebut dapat mengesahkan identiti dan menjawab soalan dengan betul ("Pemenang").

- c. Sekiranya Pelanggan Yang Layak Hadiah Utama, Kedua dan Ketiga yang gagal menjawab soalan dengan betul atau tidak menjawab panggilan Bank akan tersingkir dan Bank akan membuat cabutan untuk pemenang yang seterusnya.*
- 33. Semua Pemenang akan dimaklumkan oleh Bank sama ada secara bertulis, menerusi telefon atau dengan memaparkan senarai nama pemenang di laman web Bank.*
- 34. Dengan menyertai Kempen ini, Pemenang telah memberi persetujuan untuk berkongsi maklumat peribadi dengan vendor penunaian (sekiranya ada) untuk dikumpul, digunakan, didedahkan dan diproses bagi tujuan Kempen ini, tanpa sebarang pembayaran.*
- 35. Bank mungkin mendedahkan atau menerbitkan nama pemenang dan 4 digit terakhir nombor telefon bimbit mereka di bahan media, pemasaran atau pengiklanan bagi tujuan Kempen ini.*
- 36. Hadiah Kempen tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan jenis lain, sama ada sebahagian atau sepenuhnya, dan Pemenang Hadiah Kempen tidak dibenarkan menukar atau menggantikan atau menaik taraf Hadiah Kempen dengan item yang lain.*
- 37. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang Ganjaran yang tidak ditunaikan dalam tempoh penunaian yang disebabkan oleh maklumat yang salah atau tidak lengkap yang diberikan oleh Pemenang. Adalah menjadi tanggungjawab Pemenang untuk memastikan bahawa maklumat yang diberikan adalah betul supaya tuntutan boleh diproses. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang kesesakan trafik atau ketidakbolehcapaian internet.*
- 38. Semua Pemenang hendaklah bertanggungjawab memastikan nombor telefon dan/atau alamat e-mel dan/atau alamat surat-menyurat mereka adalah terkini dan dikemas kini dengan Bank. Pemenuhan dan/atau pemberitahuan dan/atau penghantaran Hadiah Kempen akan berdasarkan setiap nombor telefon dan alamat surat-menyurat Pemenang Kempen yang dikekalkan dengan Bank. Pemenuhan Hadiah Kempen hanya sah untuk alamat surat-menyurat yang berpangkalan di Malaysia dan tidak akan sah untuk alamat surat-menyurat yang berpangkalan di luar Malaysia dan/atau alamat Peti Pejabat Pos (peti surat). Pemenang dengan alamat surat-menyurat yang berpangkalan di luar Malaysia dan/atau alamat peti surat perlu menghubungi Bank dan memberikan alamat surat-menyurat bukan peti surat yang berpangkalan di Malaysia dalam Tempoh Kempen.*
- 39. Hadiah Kempen akan dihantar ke alamat surat-menyurat tersebut kepada Pemenang Kempen. Pemenang Kempen bertanggungjawab untuk membuat pengaturan yang diperlukan untuk menebus Hadiah Kempen. Syarikat/penjual perkhidmatan kurier berdaftar hendaklah menangkap bukti penghantaran dan pengakuan penerimaan untuk tujuan rekod Bank. Bank tidak akan menanggung sebarang pemenuhan dan/atau pengangkutan dan/atau kos lain yang mungkin ditanggung oleh Pemenang Kempen semasa menebus dan/atau menggunakan hadiah.*
- 40. Bank tidak akan melayan sebarang permintaan untuk menghantar Hadiah Kempen ke mana-mana alamat luar negara, pihak ketiga dan/atau alamat Peti Pejabat Pos.hadiah.*
- 41. Pelanggan Yang Layak mengakui dan menerima bahawa kegagalan dalam penyediaan dokumentasi dan maklumat menurut Terma dan Syarat Kempen ini akan mengakibatkan Pelanggan Yang Layak hilang kelayakan untuk menerima Ganjaran tanpa sebarang liabiliti yang perlu ditanggung oleh Bank.*
- 42. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak telah membaca, memahami dan menerima Terma dan Syarat ini dan bersetuju untuk menerima komunikasi pemasaran langsung atau panggilan berhubung dengan Kempen ini.*

43. Sekiranya Pelanggan Yang Layak telah mengambil bahagian dalam beberapa kempen atau promosi pada masa yang sama, Pelanggan Yang Layak hanya mempunyai kelayakan untuk menerima Ganjaran di bawah salah satu daripada kempen atau promosi yang mengambil bahagian. Bank berhak memutuskan kempen atau promosi mana yang terpakai untuk Pelanggan Yang Layak berkenaan.
44. Pelanggan Yang Layak bertanggungjawab menjelaskan sebarang cukai, kos sampingan dan/atau caj yang berkaitan dengan mana-mana Ganjaran. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang cukai, kos sampingan, caj dan/atau kerosakan yang disebabkan oleh mana-mana Ganjaran tersebut dan/atau kegagalan untuk menunaikannya oleh mana-mana ejen/pembekal/pengedarnya.
45. Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Yang Layak apabila berlaku penggunaan Ganjaran oleh mana-mana individu tanpa kebenaran Pelanggan Yang Layak.
46. Terma dan Syarat Kempen ini merupakan tambahan tanpa menjejaskan mana-mana terma, syarat dan/atau garis panduan sedia ada yang mentadbir atau mengawal atur pengoperasian dan/atau pengendalian Akaun Yang Layak atau sebaliknya.
47. Pelanggan Yang Layak selanjutnya bersetuju untuk memberikan kerjasama dan mengakuri permintaan Bank bagi tujuan penganjuran, promosi dan pelaksanaan Kempen ini.
48. Bank berhak untuk menyingkir mana-mana Pelanggan Yang Layak atau menarik balik Ganjaran sekiranya didapati berlaku transaksi berunsur penipuan, tanpa kebenaran atau dibalikkan, atau berlaku pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran Terma dan Syarat Kempen ini menurut dasar dalaman Bank. Segala rekod Bank berkenaan transaksi yang dibuat adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.
49. Segala keputusan yang dibuat oleh Bank berkenaan Kempen ini adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan, dan sebarang rayuan, surat-menyurat atau bantahan tidak akan dipertimbangkan.
50. Bank berhak pada bila-bila masa untuk menambah, mengeluarkan, mengubah dan/atau meminda Terma dan Syarat Kempen ini, secara keseluruhan atau sebahagiannya, menurut dasar dalaman Bank dengan memberikan notis terlebih dahulu, dan Pelanggan Yang Layak menerusi penyertaannya dalam Kempen ini telah bersetuju dan menerima sepenuhnya penambahan, pengeluaran, variasi dan/atau pindaan tersebut. Untuk mendapatkan versi Terma dan Syarat Kempen yang telah dikemas kini, sila layari www.alliancebank.com.my dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat sebarang perkara yang tidak konsisten antara Terma yang terkandung di sini dan versi yang dikemas kini, versi yang kemudian akan diterima pakai tetapi hanya setakat bahagian yang tidak konsisten tersebut sahaja.
51. Sekiranya terdapat sebarang pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan Tempoh Kempen, Pelanggan Yang Layak tidak berhak atas sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank bagi sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang mungkin dihadapi, dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan tersebut.
52. Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti (termasuklah tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, ganti rugi sampingan, turutan, teladan, punitif, atau khas atau prosiding yang dibawa oleh mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul atau dialami oleh Pelanggan Yang Layak atau pihak lain yang disebabkan oleh tindakan Pelanggan Yang Layak itu sendiri yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini.

53. *Segala Terma dan Syarat Kempen termasuklah penambahan, pengeluaran, variasi dan/atau pindaan yang dibuat berkenaan dengannya dari semasa ke semasa adalah ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan melainkan dipersetujui sebaliknya oleh Bank, Pelanggan Yang Layak dengan ini bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa eksklusif mahkamah kompeten di Malaysia.*
54. *Pelanggan Yang Layak dengan ini memberikan persetujuan dan kebenaran sepenuhnya yang tidak boleh ditarik balik kepada Bank untuk menggunakan, menerbitkan dan/atau memaparkan nama, sebarang gambar yang diambil, sebarang video yang dirakam dan/atau maklumat lain untuk iklan dan/atau promosi semasa dan akan datang yang terhad untuk Kempen ini sahaja, tanpa sebarang pampasan kepada Pelanggan Yang Layak.*
55. *Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju bahawa mereka telah membaca Penyata Prinsip Notis dan Pilihan yang terdapat di laman web Bank (<https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Pdf/Personal%20Data%20Protection%20Act%202010/NCP-for-website-ENG.pdf>) dan dengan ini memberi persetujuan dan kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan butiran mereka kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang digunakan perkhidmatannya oleh Bank bagi tujuan Kempen ini.*
56. *Bank telah melaksanakan dan mengekalkan dasar dan prosedur yang dirangka untuk mencegah rasuah dan penyelewengan oleh Bank dan pengarah, pegawai, atau kakitangannya; dan setakat pengetahuan Bank, Bank atau mana-mana pengarah, pegawai, atau kakitangan Bank tidak terlibat dalam sebarang aktiviti atau perbuatan yang melanggar sebarang undang-undang atau peraturan antirasuah dan antipenyelewengan yang perlu dipatuhi oleh Bank. Bank tidak pernah, dan berjanji tidak akan, merujuk kepada pengendalian kegiatan perniagaan, berjanji, membenarkan, mengesahkan atau menawarkan untuk melaksanakan, atau membuat sebarang tindakan untuk memberikan sebarang bayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau lain-lain pemindahan apa-apa yang bernilai, atau sebarang pengumpulan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.*
57. *Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak dengan ini mengakui bahawa mereka telah dimaklumkan mengenai ringkasan dasar antirasuah dan antipenyelewengan Bank yang terdapat di <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy.aspx> dan selanjutnya berjanji/mengaku janji bahawa mereka tidak akan terlibat dengan amalan penyelewengan dalam apa cara sekalipun, sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Bank.*

Pencegahan dan Pengurangan Penipuan dalam Kewangan dan Perbankan Kewangan

58. *Pihak Bank mungkin dari semasa ke semasa menyediakan maklumat atau kandungan terkini untuk mendidik dan mewujudkan kesedaran kepada Pelanggan mengenai langkah-langkah pencegahan dan pengurangan risiko terhadap penipuan perbankan. Ini adalah tertakluk tetapi tidak terhad kepada tip keselamatan, kemas kini terhadap perisian/ sistem pengendalian/ aplikasi/ versi baharu, dan keperluan peraturan terpakai dari badan-badan pengawalseliaan.*
59. *Pelanggan hendaklah memastikan kesemua instrumen perbankan contohnya buku cek/helaian cek, token keselamatan, kad debit, PIN perbankan telefon, bukti kelayakan log masuk perbankan internet dan mudah alih, dan kod kebenaran transaksi (TAC) adalah berada dalam jagaan selamat. Jika Pelanggan menyedari berlaku mana-mana urus niaga atau akses seperti yang disenaraikan di atas adalah didapati hilang atau tidak dibenarkan, Pelanggan mestilah dengan serta-merta melaporkannya kepada pihak Bank. Pelanggan tidak akan bertanggungjawab atas kerugian yang timbul berikutan daripada urusniaga yang tidak dibenarkan setelah didapati Pelanggan telah memaklumkan kepada*

pihak Bank menurut Terma dan Syarat ini sekiranya terdapat sebarang kehilangan, disalahgunakan, dicuri, terjejas atau di langgar terhadap mana-mana instrumen perbankan Pelanggan seperti yang tertera di atas.

60. *Jika terdapat apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan adalah semata-mata disebabkan oleh kelalaian sengaja oleh pihak Bank, pihak Bank secara tunggal atau keseluruhan liabiliti (berkenaan dengan satu atau lebih daripada satu tuntutan) kepada Pelanggan sama ada dalam bentuk kontrak atau tort tidak melebihi jumlah amaun transaksi terhadap tuntutan atau apa-apa tuntutan atau ganti rugi yang di alami, yang mana lebih rendah. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kerugian perniagaan, kerugian keuntungan, pendapatan atau nama baik, kehilangan data, secara tidak langsung, kerugian turutan, khas atau luar jangka, liabiliti, tuntutan, kerugian, perbelanjaan, pembayaran, anugerah, penalti, prosiding dan kos tanpa mengambil kira sama ada kerugian atau ganti rugi tersebut berkemungkinan telah didedahkan, atau telah diramalkan secara munasabah oleh pihak Bank.*
61. *Apabila sesuatu kejadian telah dimaklumkan oleh Pelanggan, pihak Bank akan melaksanakan penyiasatan dan Pelanggan di minta untuk menyediakan maklumat yang mencukupi dan berkerjasama untuk memudahkan penyiasatan. Pihak Bank diberikan kuasa untuk menjalankan pengesanan ke atas pencegahan dan pengurangan penipuan perbankan seperti langkah-langkah berikut (dengan/tanpa kebenaran daripada Pelanggan) semasa pihak Bank menjalankan penyiasatan:*
- i) Menggantung atau membekukan akaun yang terjejas;*
 - ii) Menarik balik atau membatalkan perkhidmatan yang boleh diakses oleh Pelanggan melalui Internet atau perkhidmatan Perbankan Mudah Alih; dan/atau*
 - iii) Menarik balik kesahan semua instrumen perbankan;*
- dan Pelanggan akan dimaklumkan setelah kesemua perkara diatas telah dikendalikan.*

Note:

Akaun Alliance SavePlus/-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Akaun Alliance SavePlus-i adalah berdasarkan konsep Syariah Tawarruq.